

## Selamat Ulang Tahun UiTM



اَوَّلُ كَرِّ سَنَةٍ لِيَكُنْ لَوْنُهَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**Majlis Kemuncak  
Sambutan Ulang Tahun  
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang  
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen  
UiTM ke-85**

**UiTM Ikutai APEL**

**Konvensyen Nasional  
Penyatuan Bangsa**

# Research Garden

Bertempat di Kompleks IRMI, Bangunan Wawasan, UiTM Shah Alam, telah diadakan Majlis Pelancaran Research Garden IRMI dan Hari Penyelidikan UiTM. Majlis yang berlangsung pada 30 Ogos 2016 itu telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.

Inisiatif Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) mewujudkan Research Garden bertujuan melonjakkan prestasi penyelidik dan penyelidikan UiTM dan mewujudkan kelestarian ekosistem penyelidikan di kalangan penyelidik muda. Projek Research Garden ini ditempatkan di bawah tanggungjawab IRMI.

Dalam usaha mencorak budaya penyelidikan yang unik dan berdaya saing, Research garden merupakan satu konsep inovasi yang dapat mentransformasikan pembangunan dan perkhidmatan penyelidikan IRMI yang sedia ada. Antara jenis perkhidmatan yang ditransformasikan oleh pihak IRMI adalah;

1. IRMI Dropbox
2. Lalan Stairs to Soar - Research Garden UiTM
3. Sudut Paparan Penyelidikan (Research Display Corner)
4. Pasar Penyelidikan (Research Souq)
5. Pusat Sehati Komuniti Penyelidikan (OSRCS - One-Stop Research Community Services)
6. Sudut Pembicara (Speaker's Corner)
7. Sudut Jaringan (Networking Corner); dan
8. Taman Penghargaan (Garden of Fame)

Naib Canselor dalam ucapan beliau melahirkan rasa bangga terhadap inisiatif oleh IRMI melalui konsep inovasi ini dalam memperkasa hala tuju penyelidikan. Selain itu, IRMI juga sedang giat mengusahakan projek Lembah Ilmu yang akan menjadi lokasi perkongsian strategik penyelidikan UiTM dengan penyediaan prasarana penyelidikan sepunya, terancang dan setanding dengan universiti-universiti lain di Malaysia.





Konsep & Reka Bentuk:  
Bahagian Consuleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA



[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)



UITM Rasmi: [www.facebook.com/uitmrasmil](https://www.facebook.com/uitmrasmil)  
Lensa Korporat: [www.facebook.com/darilensasakorporat](https://www.facebook.com/darilensasakorporat)